

"Jabatan penguatkuasa lain seperti PBT dan Pejabat Tanah dan Daerah yang berkenaan akan turut mengambil perundangan tindakan perundangan yang berkaitan bagi kes-kes pembakaran terbuka.

"Rondaan bagi mencegah pembakaran terbuka akan ditingkatkan sehingga selepas tengah malam oleh agensi-agensi penguatkuasaan seperti JAS, PBT dan Pejabat Tanah dan Daerah serta Bomba.

"Kita ingin mengesa orang ramai supaya tidak melakukan pembakaran terbuka dan membiarkan tanah atau premis kepunyaan mereka dimasuki serta dicerobohi pihak tidak bertanggungjawab sehingga berlakunya pembakaran terbuka untuk tujuan tertentu sama ada sengaja atau tidak sengaja," ujarnya.

Tambahnya, Pejabat Tanah dan Daerah Klang khususnya akan mengikut semua prosedur susulan kenyataan Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari sebelum ini berkaitan perampasan tanah di Johan Setia. -UTUSAN ONLINE